Norazera bt Ishak dan satu lagi lwn Muhammad Hazral Ashraff bin Haswan (seorang budak mendakwa melalui bapa dan sahabat wakilnya, Haswan bin Hassan) dan satu lagi

A

B

MAHKAMAH TINGGI (PULAU PINANG) — RAYUAN SIBIL NO 12B-42–04 TAHUN 2014
AZMI ARIFFIN PK
18 SEPTEMBER 2014

C

Prosedur Sivil — Masa — Lanjutan masa — Kemalangan jalanraya — Penghakiman diperolehi dari mahkamah sesyen — Kelewatan pemfailan memorandum rayuan dan rekod rayuan — Alasan bahawa terdapat penyusunan semula di firma — Fail tidak dapat diberikan kepada peguamcara lain — Sama ada butiran kelewatan diberikan dengan terperinci — Sama ada alasan kelewatan kukuh

D

Pihak perayu telah memfailkan notis permohonan untuk memohon kebenaran bagi melanjutkan masa bagi memfailkan memorandum rayuan dan rekod rayuan. Responden pertama yang menunggang motosikal bersama responden kedua sebagai pembonceng motosikal tersebut telah melanggar motosikal perayu. Satu penghakiman telah diberikan oleh hakim mahkamah sesyen di mana diputuskan bahawa perayu-perayu bertanggungjawab 80%. Pihak perayu telah memfailkan notis rayuan serta membayar deposit rayuan di Mahkamah Tinggi terhadap keseluruhan keputusan mahkamah sesyen. Menurut perayu dalam afidavit sokongannya, fail ini telah dikendalikan oleh cawangan firma dan selepas notis rayuan difailkan, terdapat penyusunan semula. Oleh kerana terdapat peguamcara yang meninggalkan firma, fail tersebut tidak diberikan kepada peguamcara lain untuk memfailkan memorandum rayuan dan rekod rayuan.

E

F

G

Diputuskan, menolak permohonan perayu:

H

(1) Alasan kelewatan yang diberikan oleh perayu dalam afidavit sokongan tidak mempunyai asas yang kukuh. Banyak persoalan yang masih memerlukan penjelasan seperti siapakah nama peguamcara yang meninggalkan firma tersebut; bilakah peguamcara itu meninggalkan firma tersebut; adakah peguamcara tersebut memberi notis (sama ada secara bertulis atau secara lisan) kepada firma tersebut sebulan atau beberapa bulan sebelum beliau meninggalkan firma itu, atau mungkinkah beliau meninggalkan firma dengan memberi notis 24 jam atau meninggal firma tanpa memberi sebarang notis sehingga

I

menyebabkan penyusunan semua atau pembahagian fail menjadi tidak sempat diagihkan kerana keadaan sudah menjadi tidak tentu arahnya (lihat perenggan 8).

(2) Seandainya peninggalan peguamcara secara mengejut ini berlaku, firma ini berkemungkinan besar tidak akan berkesempatan untuk menyerahkan kepada peguamcara lain dalam tempuh terdekat untuk mengambil tindakan segera memfailkan memorandum rayuan dan rekod rayuan dalam tempoh yang telah ditetapkan. Jika ini terjadi, maka kelewatan yang berlaku di pihak perayu sesungguhnya sesuatu yang tidak disengajakan sama sekali dan semestinya tidak diniatkan untuk menghina ataupun melengahkan masa mahkamah. Namun, afidavit sokongan perayu terlalu ringkas, terlalu remeh dan tidak mempunyai bahan yang mencukupi bagi mewajarkan pelaksanaan budi bicara untuk memihak kepada perayu. Jika permohonan perayu ini dibenarkan juga meskipun didapati wujud kekurangan dan kelemahan maka semesti ia akan memprejudiskan pihak responden-responden yang mana ia tidak mungkin dapat dipampas dengan kos (lihat perenggan 10).

[English summary

The appellant had filed a notice of application to apply for leave of extension of time to file memorandum of appeal and appeal record. The first respondent who was riding a motorcycle with the second respondent as a pillion rider had hit the appellant's motorcycle. A judgment was granted by the sessions court judge where it was held that the appellants were 80% liable. The appellant then filed an appeal notice and paid an appeal deposit at the High Court against the decision of the sessions court. According to the appellant in his affidavit in support, the file was handled by the firm's branch and after the notice of appeal was filed, there was a restructuring. As there was a solicitor who left the firm, the file was not handed to other solicitors for the filing of memorandum of appeal and appeal record.

Held, dismissing the appellant's application:

(1) The reason of delay given by the appellant in his affidavit in support did not have a strong ground. There were many questions that required explanation such as what was the name of the solicitor that left the firm; when the solicitor left the firm; whether the solicitor had given notice (whether written or orally) to the firm a month or a few months after he left the firm or was there a possibility that he left the firm by giving a 24-hour notice or left the firm without giving any notice, causing no time for the restructuring or division of file as the situation got out of hand (see para 8).

(2) If the solicitor left the firm in haste, there was a possibility that the firm could have had the opportunity to notify to other solicitors in a short

notice of time, to take an action to file a memorandum of appeal and appeal record in a fixed period. If this was the case, the delay on the appellant's part was something which was not deliberately caused or he must have intended contempt or to delay the court's time. However, the affidavit in support was too brief, frivolous and lacked of substance to warrant exercise of discretion to favour the appellant. If the appellant's application was allowed even though there were shortcomings and weaknesses, it would prejudice the respondents whereby they would not be able to be compensated with costs (see para 10).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai lanjutan masa, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perenggan 9729–9786.

Kes-kes yang dirujuk

Beauford Baru Sdn Bhd v Gopala Krishnan a/l VK Gopalan [2002] 6 MLJ 134 (dirujuk)

Scott & English (M) Sdn Bhd v Leikie Refrigeration & Stainless Steel Industries Sdn Bhd & Ors [1994] 2 MLJ 424 (dirujuk)

Ibrahim Dahaban & Ors v Mohd Daud Mohd Yusof & Anor [2000] 5 CLJ 600 (dirujuk)

Joshua Narendran a/l Sundaramutty (Ajmer, Sandhu & Ong) bagi pihak perayu-perayu.

Kuppusamy a/l Sinnasamy (S Kuppusamy, Fadzil & Co) bagi pihak responden-responden.

Azmi Ariffin PK

[1] Pihak perayu telah memfailkan notis permohonan bertarikh 22 Mei 2014 untuk memohon kebenaran melanjutkan masa untuk memfailkan memorandum rayuan dan rekod rayuan dan permohonan ini telah disokong melalui afidavit yang telah diikrarkan oleh Joshua Narendran a/l Sundaramutty bertarikh 22 Mei 2014. Pihak responden pertama telah memfailkan afidavit balasan yang telah diikrarkan pada 5 Jun 2014 manakala responden kedua tidak memfailkan apa-apa afidavit balasan di dalam permohonan ini.

FAKTA KES

[2] Pada 14 September 2011 lebih kurang jam 6.30 petang, responden pertama menunggang motosikal No Pendaftaran PJR 467 bersama responden kedua yang merupakan pembonceng motosikal tersebut, dari rumahnya menuju Kampung Machang Bubuk. Apabila sampai di Lorong Machang Bubuk 19, Taman Macang Bubuk, tiba-tiba perayu pertama yang menunggang motosikal No Pendaftaran PJN 2812 yang datang dari arah belakang telah

memotong laluan responden di sebelah kiri dan terus membelok ke simpang sebelah kanan dengan mengejut. Responden tidak sempat brek lalu terlanggar motosikal perayu.

[3] Manakala mengikut perayu pula, apabila beliau sampai di Jalan Taman Machang Bubuk, beliau memberi isyarat kanan dan kemudiannya telah membelok ke simpang sebelah kanan. Tiba-tiba sebuah motosikal No Pendaftaran PJR 467 yang datang dari arah belakang telah melanggar motosikal beliau di bahagian tayar.

PENILAIAN KETERANGAN

[4] Perenggan 7 hingga 10 dan 13 afidavit sokongan Joshua Narendran a/l Sundaramutty tersebut menyatakan seperti berikut:

> 7. Setelah perbicaraan penuh kes ini, satu penghakiman telah pun diberikan oleh Tuan Hakim Mahkamah Sesyen, Butterworth pada 13.3.2014 di mana ia diputuskan bahawa perayu-perayu / defendan-defendan bertanggungjawab 80%.
>
> 8. Pihak kami telah memaklumkan kepada anak guaman kami akan keputusan kes ini. Setelah mendapat arahan daripada anak guaman, pihak Perayu telah memfailkan Notis Rayuan serta membayar deposit rayuan di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang pada 25.3.2014 atas keseluruhan keputusan Mahkamah Sesyen Butterworth.
>
> 9. Fail ini telah dikendalikan oleh cawangan Prai firma kami. Selepas Notis Rayuan difailkan, disebabkan terdapat penyusunan semula akibat terdapat peguamcara yang meninggalkan firma kami, fail tersebut tidak diberikan kepada peguamcara lain untuk memfailkan Memorandum Rayuan dan Rekod Rayuan.
>
> Ini merupakan satu tindakan yang tidak disengajakan dan kami tidak sama sekali mempunyai niat untuk menghina ataupun melengahkan masa Mahkamah Yang Mulia ini.
>
> 10. Saya sesungguhnya mengatakan bahawa Notis Rayuan telah difailkan pada 25.3.2014 dan menurut Aturan 55 Kaedah 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 tarikh akhir untuk memfailkan Memorandum Rayuan dan Rekod Rayuan ialah pada 26.4.2014 walaupun Nota-Nota Keterangan dan Alasan Penghakiman tidak disediakan.
>
> Namun demikian disebabkan kesilapan yang tidak disengajakan, pihak kami tidak dapat memfailkan Memorandum dan Rekod Rayuan.
>
> 13. Saya sesungguhnya menyatakan bahawa Perayu/Defendan telah pun mengambil langkah-langkah positif agar tidak melengahkan masa Mahkamah selanjutnya di mana pihak kami telah memfailkan Rekod Rayuan tanpa mengandungi Nota-Nota Keterangan dan Alasan Penghakiman pada 15.5.2014 dan demikian memohon untuk 'abridgement of time'.

[5] Di dalam kes *Beauford Baru Sdn Bhd v Gopala Krishnan a/l VK Gopalan*

[2002] 6 MLJ 134, Hakim Low Hop Bing (beliau pada masa itu) di ms 139 mengatakan:

> It is quite plain to this court that an application for an extension of time relying on the mistake on the part of a solicitor's should not to be dismissed outright but should be considered together with other relevant factors. In the exercise of its judicial discretion the court will normally consider:-
>
> (a) The reasons given for the delay;
>
> (b) The length of the delay;
>
> (c) The merits of the appeal; and
>
> (d) The degree of prejudice to the respondent.

[6] Perkara yang sama juga telah disebut oleh hakim Chong Siew Fai (kemudiannya menjadi Hakim Besar Borneo (Sabah dan Sarawak) dalam *Scott & English (M) Sdn Bhd v Leikie Refrigeration & Stainless Steel Industries Sdn Bhd & Ors* [1994] 2 MLJ 424 di ms 429 bila beliau mengatakan:

> These factors are merely served as a guide for the purpose of exercising the discretion and are not intended to be rigid mandatory requirements. It is important to state that it is not necessary that all the factors must be in favour of an applicant in order that the discretion may be exercised to the applicant' benefit.

[7] Berlandaskan kepada prinsip perundangan di atas adalah jelas bahawa beban terletak pada perayu untuk menjustifikasikan kelewatan tersebut dengan mengemukakan alasan permohonan perlanjutan masa yang baik dan mencukupi supaya mahkamah ini boleh melaksanakan budi-bicaranya dengan seadil-adilnya.

[8] Kembali kepada permohonan di dalam rayuan ini, saya mendapati alasan kelewatan yang diberikan oleh perayu dalam afidavit sokongan seperti yang disebut di atas tidak mempunyai asas yang kukuh. Banyak persoalan yang masih memerlukan penjelasan. Di antaranya adalah seperti berikut:

(a) siapakah nama peguamcara yang meninggalkan firma tersebut?

(b) bilakah peguamcara itu meninggalkan firma tersebut?

(c) adakah peguamcara tersebut memberi notis (sama ada secara bertulis atau secara lisan) kepada firma tersebut sebulan atau beberapa bulan sebelum beliau meninggalkan firma itu, atau

Mungkinkah beliau meninggalkan firma dengan memberi notis 24 jam atau meninggal firma tanpa memberi sebarang notis sehingga menyebabkan penyusunan semua atau pembahagian fail menjadi tidak sempat diagihkan kerana keadaan sudah menjadi tidak tentu arahnya. Seandainya peninggalan peguamcara secara mengejut ini berlaku, saya yakin firma ini berkemungkinan

besar tidak akan berkesempatan untuk menyerahkan kepada peguamcara lain dalam tempuh terdekat untuk mengambil tindakan segera memfailkan memorandum rayuan dan rekod rayuan dalam tempuh yang telah ditetapkan. Jika ini terjadi, maka kelewatan yang berlaku di pihak perayu itu sesungguhnya sesuatu yang tidak disengajakan sama sekali dan semestinya tidak diniatkan untuk menghina ataupun melengahkan masa mahkamah.

[9] Persoalan yang menjadi tanda tanya di minda saya seperti yang dinyatakan di atas tadi adalah penting bagi mahkamah ini menentukan sama ada benar atau tidak, penyusunan semula itu berlaku tanpa disengajakan ataupun kelewatan itu berlaku disebabkan oleh kecuaian atau kelalaian atau perlakuan peguamcara firma itu yang memandang ringan tempuh masa yang ditetapkan oleh undang-undang.

[10] Demi memastikan keadilan berlaku, saya cuba mencari jawapan pada persoalan tersebut. Namun afidavit sokongan pihak perayu yang diletakkan di hadapan mahkamah ini terlalu ringkas, terlalu remeh dan tidak mempunyai bahan yang mencukupi bagi mewajarkan pelaksanaan budi bicara untuk memihak kepada perayu. Jika permohonan perayu ini dibenarkan juga meskipun didapati wujud kekurangan dan kelemahan maka semesti ia akan memprejudiskan pihak responden-responden yang mana ia tidak mungkin dapat di pampas dengan kos.

[11] Walaupun tidak dipertikaikan oleh pihak-pihak bahawa kelewatan hanyalah sekadar 19 hari sahaja dan nota keterangan dan alasan penghakiman masih belum disediakan, namun perayu tidak boleh menggunakan alasan ini dengan izin to 'miss the dateline' melainkan wujudnya alasan yang mencukupi untuk membolehkan mahkamah ini melaksanakan budibicaranya secara kehakiman.

[12] Di dalam kes *Ibrahim Dahaban & Ors v Mohd Daud Mohd Yusof & Anor* [2000] 5 CLJ 600, di mana fakta ini di antaranya adalah seperti yang tertera di ms 601:

> By notice of motion dated 1 December 1999 (encl 10), the solicitors for the appellants herein applied for an extension of time to file the record of appeal in respect of a running down action, wherein the appellants were the plaintiffs, heard and disposed off in the Sessions Court Melaka the applicant was supported by the affidavit of Preetha Naya.
>
> The record of appeal was filed in the High Court, Melaka on 3 December 1999, when it ought to have in fact been filed on or before 26 November 1999, in compliance with O 49, r 3A(3) Subordinate Courts Rules 1980. The record of appeal was, therefore, filed seven days out of time. The only reason proffered in the affidavit of Preetha Nayar for the said delay, in para 11 of the affidavit, was that the sealed order of the sessions court had yet to be received.

The only obvious reason for the delay in filing the record of appeal out of time is the mistake of the solicitors from the plaintiff/appellants in the computation of time.

[13] Di dalam kes ini juga hakim KN Segara (beliau pada masa itu) di ms 602–603 memutuskan:

The granting or dismissal of an application for extension of time is very much a discretionary matter. Full and frank disclosure must be made in the affidavit in support. This was not so in this case. Nevertheless, counsel should be commended for being brave, honest and responsible in admitting her mistake from the Bar.

However, a solicitor's mistake and omission to be vigilant cannot be accepted as an explanation and ground to grant an extension of time. The principles to be gleaned from several of the Federal Court decisions is that the mistake of a solicitor or the solicitor's clerk is not sufficient ground to grant an extension of time. See:

(a) *Tractors Malaysia Bhd v Southern Estates Sdn Bhd & Anor* [1984] 1 MLJ 118;

(b) *Sri Jaya Transport Co Ltd v Fernandez* [1970] 1 MLJ 87;

(c) *Gan Hay Chong v Siow Kian Yuh & Anor* [1975] 2 MLJ 129; and

(d) *Hoe Joo Sawmills v Sigma (Air Conditioning) Sdn Bhd* [1976] 2 MLJ 236.

It is trite law that Rules of Court must prima facie be obeyed, the Privy Council, as far back as in 1965 in the case of *Ratnam v Cumarasamy & Anor* [1965] 1 MLJ 228 at 229 said:

The Rules of Court must prima facie be obeyed, and in order to justify a court in extending the time during which some step in procedure requires to be taken there must be some material upon which the court can exercise its discretion. If the law were otherwise, a party in breach would have an unqualified right to an extension of time which would defeat the purpose of the rules which is to provide a time table for the conduct of litigation.

There is no material placed before me which justifies the exercise of my discretion in favour of the appellants to grant an extension of time to file the record o appeal.

[14] Seterusnya, berkaitan isu kuantum seperti yang dihujahkan oleh pihak-pihak, saya tidak berhasrat untuk menyentuh, sebaliknya saya akan hanya mempertimbangkan isu berkaitan merit rayuan ini sahaja. Walaupun ditegaskan bahawa responden pertama telah diambil tindakan saman oleh pihak polis di bawah kaedah 10 LN166/59 dan faktor ini diambil jua sebagai pertimbangan, namun saya dapati secara keseluruhannya rayuan pihak perayu tidak mempunyai merit dan hakim mahkamah sesyen tidak terkhilaf dalam memutuskan perayu bertanggungjawab 80%, responden pertama bertanggungan 20% manakala responden kedua sebagai pembonceng tidak menanggung apa-apa di atas kemalangan yang berlaku. Dalam erti kata yang lain pihak responden kedua berhak kepada 100% ke atas tuntutannya.

[15] Berdasarkan kepada huraian yang telah dinyatakan di atas maka mahkamah dengan ini memutuskan untuk menolak permohonan perayu ini seperti di lampiran 4. Kos sebanyak RM3,000 hendaklah dibayar oleh perayu-perayu kepada pihak responden-responden (RM 1,500 kepada setiap seorang responden).

Permohonan perayu ditolak.

Dilaporkan oleh Afiq Mohamad Noor